

Al-Sya'rawi: *Khawatir Imaniyyah*

FIQH AL-QURAN

Oleh
**Prof. Madya
Dr. Khairul
Anuar Mohamad**



SHEIKH Sya'rawi menamakan tafsiran al-Quran yang beliau huraikan dengan nama *khawatir imaniyyah* yang bermaksud lintasan iman. Beliau telah mengeluarkan mutiara huraian al-Quran berasas kepada kajian yang lama dan pemerhatian yang tekun terhadap ayat-ayat al-Quran. Tafsiran yang beliau lakukan ini adalah anugerah yang suci yang ada dalam hati orang beriman terhadap ayat al-Quran.

Fokus Sya'rawi kepada pemerhatian yang mendalam terhadap ayat al-Quran adalah lebih banyak berbanding dengan tafsiran yang telah dibuat oleh ulamak tafsir terdahulu. Aspek bahasa juga diambil perhatian di mana beliau akan melihat penggunaan bahasa secara teliti dan mendalam.

Perkara yang menarik juga ialah cara persembahan makna keseluruhan ayat yang diberikan dalam bahasa yang santai dan mudah difahami. Amat jarang ulama tafsir yang memiliki anugerah tersebut pada zaman mutakhir ini.

Khawatir imaniyyah kali pertama disiarkan dalam rancangan TV adalah pada tahun 1980 dengan tafsiran pertamanya ialah surah al-Fatihah. Dan rancangan *khawatir imaniyyah* ini terus berjalan dan siri terakhirnya ialah mentafsirkan surah Mumtahanah dan permulaan surah Saf iaitu pada juzuk 28.

Memandangkan *khawatir imaniyyah* ini amat berguna dan besar manfaatnya, Penerbit *Dar al-Nur* telah mengambil langkah dengan menyempurnakan tafsir ini dengan manhaj yang sama dengan apa yang dibuat oleh Sheikh Sya'rawi.

Meskipun tidak sampai ke tahap tafsir yang dibuat oleh Sheikh Sya'rawi, mereka telah berusaha dan merujuk kepada beberapa kitab tafsir seumpama *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir* dan *Tafsir al-Qurtubiy*.

Kaedah Sheikh Sya'rawi dalam tafsir sesuatu ayat



SHEIKH SYA'RAWI



Rancangan *Khawatir imaniyyah* ini terus berjalan dan siri terakhirnya ialah mentafsirkan surah Mumtahanah dan permulaan surah Saf iaitu pada juzuk 28.

yang mempunyai dua pendapat atau lebih ialah beliau memilih satu pendapat dan membawa hujah dan dalil menyokong pendapat tersebut. Perkara ini seperti pendapat berkenaan syurga yang didiami Nabi Adam a.s sebelum turun ke bumi. Adakah ia syurga yang kekal abadi yang akan didiami orang beriman di akhirat atau hanya syurga yang disediakan kepada Nabi Adam untuk bagi mengamalkan manhaj.

SYURGA NABI ADAM

Beliau menolak pendapat bahawa syurga yang didiami Nabi Adam adalah syurga yang disediakan di hari akhirat sehingga ada yang menyatakan bahawa kalaulah Nabi Adam tidak melakukan maksiat sudah tentu kita akan hidup dalam syurga.

Beliau berkata, syurga untuk akhirat belum dimasuki manusia, nikmatnya kekal abadi. Sesiapa yang masuk syurga tidak akan dikeluarkan dan menikmati selamanya.

Syurga yang didiami Nabi Adam adalah untuk mengamalkan manhaj. Dan sebelum Nabi Adam dicipta, Allah SWT telah menetapkan



HOSNI Mubarak turut diberi nasihat oleh Sheikh Sya'rawi dalam pertemuan di Universiti Al-Azhar, tidak lama sebelum kewafatan Sya'rawi.

tanggungjawabnya iaitu menjadi khalifah di muka bumi. Ciptaan Nabi Adam adalah untuk menjadi khalifah di bumi. Dan sesiapa di kalangan zuriatnya yang melakukan amal soleh dia akan masuk ke dalam syurga yang kekal di akhirat dan hidup dalam kenikmatan yang abadi.

Manhaj yang Allah SWT berikan kepada Nabi Adam semasa dalam syurga ialah arahan dan larangan. Arahan ialah firman-Nya: *wahai Adam diamilah kamu dan isteri kamu dalam syurga.* (al-Baqarah: 35) dan larangannya pula ialah dalam ayat yang sama: *janganlah kamu berdua menghampiri pokok ini.*

Larangan yang menyempurnakan manhaj. Inilah manhaj pertama yang diajar kepada manusia untuk taat kepada Allah. Semua manhaj yang Allah SWT turunkan kepada para nabi dan rasul mengandungi arahan dan larangan.

Allah SWT telah menjamin kehidupan Nabi Adam di syurga. Bukan sekadar hidup sahaja tetapi boleh menikmati apa sahaja makanan dengan firman-Nya: *...Makanlah kamu sepuas-puasnya dari mana yang kamu kehendaki.* (al-Baqarah: 35)

Perkara yang harus amat banyak untuk dilakukan dan

perkara yang dilarang hanya sedikit. Makanlah makanan di syurga dan minumlah yang harus bagi kamu tanpa ada sekatan dan halangan kecuali satu pokok sahaja dalam kalangan ribuan pokok yang terdapat dalam syurga.

Allah SWT menyediakan kepada Nabi Adam a.s semua perkara di dalam syurga untuk meneruskan kelangsungan hidup. Begitu juga sebelum manusia hidup di bumi Allah SWT mengurniakan semua perkara untuk sebuah kehidupan. Mengurniakan air, angin, makanan dan nikmat yang tidak terkira.

Sebagaimana Allah mengurniakan banyak nikmat kepada Adam a.s dalam syurga untuk meneruskan kehidupan begitu jugalah Allah mengurniakan nikmat di dunia untuk kelangsungan hidup. Ini boleh diertikan kehidupan Adam a.s di syurga adalah satu bentuk latihan untuk melakukan latihan manhaj.

MAUQIF SYA'RAWI

Mauqif atau pendirian Sheikh Sya'rawi dalam beberapa isu amat tegas dan berprinsip. Dakwahnya berlaku dalam semua lapisan masyarakat bermula dari yang bawah hinggalah kepada pemimpin negara. Di hujung

usianya, beliau telah memberikan satu peringatan dan nasihat kepada Presiden Mesir, Hosni Mubarak. Rakaman perjumpaan tersebut yang berlaku di hadapan para pensyarah universiti Azhar dan dihadiri ramai pembesar menjadi viral.

Dalam memberikan peringatan tersebut antara kandungannya ialah menyatakan: "Bahawa aku hidup di hujung usia ini sedang menunggu ketetapan ajal yang Allah tentukan. Dan aku tidak mahu mengakhiri hidup ku dengan sikap nifak. Aku akan menyatakan satu kalimah yang ringkas mewakili ummah keseluruhannya.

"Aku mahu semua mengerti bahawa kerajaan keseluruhannya adalah di tangan Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki. Justeru jangan sekali-kali melakukan konspirasi untuk mengambilnya atau tipu helah untuk mencapainya.

"Kesungguhannya tiada seorang pun yang menghukum dalam kerajaan Allah kecuali dengan kehendak Allah. Jika ia melakukan keadilan sesungguhnya dia mendapat manfaat dengan sebab tindakannya itu, tetapi perlu ingat jika dia melakukan kezaliman maka Allah akan menghina dan mengejanya dalam diri setiap manusia yang membenci setiap orang yang zalim".

Beliau juga memberi nasihat kepada setiap yang ada dalam fikirannya untuk menjadi pemerintah, jangan sekali-kali meminta tetapi mestilah dia diberi tawaran. Perkara ini beliau nyatakan berasas kepada sabda Nabi SAW yang bermaksud, *sesiapa yang diminta kepada sesuatu akan dibantu dan sesiapa yang meminta akan dibebankan.*

Di akhir perjumpaan tersebut, Sheikh Sya'rawi menyatakan, "wahai Tuan Presiden, mungkin inilah pertemuan terakhir aku bersama kamu. Jika kamu telah ditentukan untuk kami maka semoga Allah memberi taufik kepada kamu untuk menguruskan dan jika kami ditentukan kepada kamu semoga Allah menolong kamu untuk bertanggungjawab terhadap urusan ini."

PM Dr Khairul Anuar Mohamad,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
USIM.